

Pameran

Faculty of
**Art &
Design**

 I AM AD UITM

 MIDF GROUP

 @iam_aduitm



Buku ini diterbitkan oleh

GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© 2016. Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450,
Selangor, MALAYSIA.

Tidak dibenarkan menerbit semula dengan apa cara proses atau teknik tanpa permohonan
dan kelulusan rasmi dari penerbit GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

ISBN No. : 978-967-14224-1-0

Editor : Dr. Rafeah Legino dan Nurul Muzamel Rasidi
Rekabentuk Kulit dan Buku : Siti Soleha Salamun
Fotografi dan Suntingan Visual : Mohd Nazrin Mohd Nazir, Muhammad Afiq Mohamd Ali,
Tengku Farah Hazwani Tengku Asmawi, Siti Aqilah Munirah Ismahisyam.
Suntingan Teks dan Pembaca Prof : Ezza Azira Abd Razak dan Syaza Marina Ramli
Dicetak oleh GESTURZ, UiTM dan UiTM Print Centre

Pameran

Faculty of
**Art &
Design**



Kandungan

<i>AD Sepintas Lalu</i>	08
<i>Pameran Fakulti Ad Tampil Kepelbagaian</i>	12
<i>Fasa Ketiga Mou MIDF-UiTM Lonjak Industri Kreatif</i>	14
<i>Kombinasi Karya Seni dan Produk Rekabentuk, Serlah Variasi Kreativiti Siswa Dalam Pameran Fakulti AD</i>	18
<i>Karya Seni Dan Produk Rekabentuk Yang Dipamerkan</i>	28
- Seni Reka Grafik	





Kandungan

- *Tekstil*
- *Seni Reka Logam Kontemporari*
- *Seni Reka Perindustrian*
- *Seramik Perindustrian*
- *Fesyen*
- *Fotografi*
- *Seni Halus*
- *Teknologi Percetakan*
- *Seleksi Koleksi Tetap Seni Lukis & Seni Reka*

Urusetia Acara dan Penghargaan

100



Pameran



Pengarah Urusan Kumpulan

Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah



Naib Canselor

Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said



Pameran




Pemangku Ketua Perkhidmatan Korporat

Encik Abdul Malek bin Abdul Hafiz



DekanAD

Prof. Dr. Hj D'zul Haimi Md Zain (A.I.S)





AD Sepintas Lalu

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka atau dengan nama popularnya AD telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1967. Pada awal penubuhannya ianya dinamakan sebagai Kajian Seni dan Seni Bina, dan pada 1972 ia dikenali sebagai Kajian Seni Lukis & Seni Reka.

Dalam tahun 1999, Institut Teknologi MARA (ITM) telah dinaik taraf status sebagai universiti dan kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA (UiTM), yang kemudiannya menyaksikan transformasi di seluruh kampus, termasuklah di peringkat fakulti. Mulai itu, Kajian Seni Lukis & Seni Reka dikenali dengan nama Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (AD).

Jika diimbab kembali sejarah, Fakulti AD bermula dengan dua buah rumah kedai di Petaling Jaya, dan kemudian memperoleh bangunan fakultinya sendiri pada tahun 1983. Perkembangan dan pembangunan yang positif turut memperlihatkan kemajuan di dalam pembukaan Fakulti AD di cawangan – cawangan kampus UiTM seperti di Melaka, Perak, Kedah, Kelantan, Sarawak serta Puncak Alam, selain dari kampus utama di Shah Alam.

Sejajar dengan itu, Fakulti AD menjadi pusat rujukan serantau yang telah melahirkan ramai graduan yang tersohor dalam bidang Industri Kreatif. Sementara itu, Fakulti AD juga turut mengembangkan sayapnya dengan menubuhkan pusat – pusat kecemerlangan seperti Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM Print, UiTM Photo Centre (UPC), dan Pusat Daya Cipta (PDC) yang menawarkan pelbagai perkhidmatan berteraskan industri kreatif disamping bermatlamat memberi peluang kepada warganya samaada staf mahupun siswa untuk bergiat aktif secara profesional, berkongsi kepakaran dan bertindak sebagai platform yang memberi latihan dan pengalaman kepada siswa di luar bilik kuliah atau studio, menerusi aktiviti –aktiviti yang dijalankan oleh pusat – pusat kecemerlangan tersebut.

Fakulti AD menawarkan program-program di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dengan pengkhususan kluster akademik seperti Seni Halus, Komunikasi Visual, Teknologi Rekabentuk, Tekstil dan Fesyen, serta Pengajian Budaya Visual. Sementara itu, pihak fakulti juga kini dalam usaha mewujudkan program – program baharu yang bukan sahaja futuristik malahan bersesuaian dengan era semasa serta memenuhi kehendak industri dan pasaran. Diperingkat Pasca-Siswazah pula,



terdapat empat pengkhususan yang ditawarkan bagi pengajian di peringkat Sarjana (Kerja Kursus) iaitu Sejarah Seni dan Pengurusan Kebudayaan, Teknologi Seni Halus, Teknologi Rekabentuk, serta Komunikasi Visual dan Media Baharu. Mod pengajian penyelidikan juga ditawarkan di program sarjana, yang diikuti dengan pengajian diperingkat Doktor Falsafah (Phd) secara penyelidikan.

Dari aspek enrolmen, Fakulti AD pada masa kini mempunyai 7,948 siswa dan siswi di seluruh kampus cawangan UiTM yang mempunyai Fakulti AD, di mana program Diploma mencatatkan jumlah seramai 224 orang pelajar di kampus utama, dan seramai 4,070 orang pelajar Diploma di kampus – kampus cawangan yang lain.

Dalam pada itu, seramai 2,625 orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) direkodkan di kampus utama dan kampus satelit, manakala bagi kampus cawangan-cawangan yang lain mencatatkan jumlah pelajar seramai 596 orang. Bagi pengajian di peringkat Pasca-Siswazah seramai 433 orang pelajar mendaftar secara sepenuh masa dan separuh masa.

Program akademik yang ditawarkan oleh Fakulti AD memberi penekanan dan pendekatan terhadap pengajian teknologi media kreatif yang terdiri daripada bidang seni, rekabentuk serta keusahawanan samada secara teori, penyelidikan, pengurusan, aktiviti di studio atau bengkel dan latihan amali. Namun dalam masa yang sama, program-program ini turut diimbangi dengan nilai, budaya, dan agama yang berpegang teguh kepada ciri-ciri kemelayuan dan keperibadian Islami.

Kelebihan pada para graduan dari Fakulti AD, UiTM adalah mempunyai peluang kerjaya yang dinamik dalam pelbagai bidang industri kreatif di dalam atau luar negara, umpamanya dengan menembusi alam kerjaya sebagai pereka animasi, artis visual, pengarca, kurator, pereka fesyen dan tekstil, pereka grafik, pereka multimedia, usahawan, konservator, penulis, editor, perunding kreatif, pendidik, penerbit, perancang media, jurufoto profesional, ahli teknologi percetakan (print technologist), editor visual, pereka set dan pentas, pengurus acara, pengurus jenama dan iklan, serta banyak lagi peluang sektor pekerjaan dan keusahawanan yang wujud dalam industri kreatif bagi merencanakan lagi pembangunan dan ekonomi global.



PROGRAM SENI HALUS

Pengajaran dalam bidang seni halus ditawarkan diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda (kepujian) secara sepenuh masa yang mengambil tempoh 5 semester bagi diploma dan 6 semester bagi ijazah pertama. Program ini meliputi disiplin seperti catan, media baharu, arca, public art, seni cetakan, lukisan dan ilustrasi.

PROGRAM TEKNOLOGI REKABENTUK

Program dalam bidang teknologi rekabentuk merangkumi tiga komponen pengajaran seperti seni reka perindustrian, seni reka logam kontemporari, dan seramik perindustrian. Ia ditawarkan diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda (kepujian) secara sepenuh masa yang mengambil tempoh 5 semester bagi diploma dan 6 semester bagi ijazah pertama. Program ini meliputi disiplin rekabentuk produk, rekabentuk automotif dan pengangkutan, rekabentuk perabot, rekabentuk logam dan barang kemas, dan seramik.

PROGRAM TEKSTIL DAN FESYEN

Program dalam bidang tekstil dan fesyen ditawarkan diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda (kepujian) secara sepenuh masa yang mengambil tempoh 5 semester bagi diploma dan 6 semester bagi ijazah pertama. Program ini meliputi disiplin fesyen, komunikasi fesyen, peruncitan fesyen, soft-furnishings, produk rekabentuk, dekorasi dan hiasan dalaman, produk tekstil seperti batik, seni fiber, tenunan, cetakan serta banyak lagi.




PROGRAM KOMUNIKASI VISUAL

Program bidang komunikasi visual ditawarkan diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda (kepujian) secara sepenuh masa yang mengambil tempoh 5 semester bagi diploma dan 6 semester bagi ijazah pertama. Program ini meliputi disiplin pengajian grafik, fotografi dan teknologi percetakan. Ia melibatkan komponen seperti ilustrasi, periklanan, animasi, produk interaktif dan multimedia, videografi, rekabentuk pembungkusan, penjenamaan, fotografi, produk – produk cetakan, serta pelbagai lagi.

PROGRAM PENGAJIAN BUDAYA VISUAL

Program ini menawarkan pengajian diperingkat ijazah pertama selama 6 semester. Pengajian Budaya Visual meliputi komponen pengurusan seni, pengajian kuratorial, pengajian permuziuman, sejarah seni lukis dan seni reka, metodologi dan penyelidikan.

Pameran



Pameran Fakulti AD Sempena Majlis MoU UiTM-MIDF Tampil Kepelbagaian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu bagi pihak urusetia saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) di atas kerjasama MoU yang telah sekian terjal lamanya dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mempromosikan Seni Lukis & Seni Reka.

Pameran Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (AD) sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara UiTM dan MIDF diadakan pada kali ini, bagi mengetengahkan hasil karya kreatif serta produk rekabentuk



dari pelbagai bidang antaranya Seni Reka Grafik, Tekstil, Seni Reka Logam Kontemporari, Rekabentuk Perindustrian, Seramik, Fesyen, Fotografi, Seni Halus dan Teknologi Percetakan.

Karya – karya yang ditampilkan dalam pameran ini, dihasilkan oleh siswa-siswa





semester akhir Fakulti AD yang kini dijadikan koleksi jabatan – jabatan akademik serta merupakan seleksi dari Koleksi Tetap Seni Lukis & Seni Reka yang diuruskan oleh Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah(GESTURZ), UiTM.


Selaras dengan objektif MoU di antara UiTM dan MIDF, pameran ini adalah kesinambungan tradisi dari pelbagai aktiviti kesenian yang telah diadakan sebelum ini di MIDF-UiTM ArtSpace Kuala Lumpur, malah selain aktiviti pameran, turut diadakan adalah bengkel kreativiti, pertunjukan fesyen serta pelbagai lagi. Syabas dan tahniah, diucapkan kepada pihak urusetia di atas penganjuran bersama menjayakan acara ini, yang terdiri daripada Komunikasi Korporat Kumpulan MIDF, Jabatan – Jabatan Adademik di Fakulti AD dan GESTURZ di atas usahasama bagi merealisasikan pameran Fakulti AD. Semoga hasil yang dipamerkan dapat memberi inspirasi malah mendekatkan orang ramai terutamanya kumpulan korporat untuk menghayati karya seni dan produk rekabentuk yang memperlihatkan kreativiti, inovasi dan estetika dalam setiap rekaan siswa-siswi Fakulti AD, UiTM.

Wassalam dan salam hormat dari pihak urusetia Majlis MoU MIDF-UiTM dan Pameran Fakulti AD.

NURUL MUZAMEL RASIDI

Kurator Kanan

Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ)



Pameran



Fasa Ketiga MoU MIDF-UiTM Lonjak Industri Kreatif

sempena

Majlis Menandatangani MoU MIDF-UiTM
dan Perasmian Pameran Fakulti AD

Tarikh : 27 September 2016 (SELASA)

Masa : 10:00 pagi

Tempat : Menara MIDF, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur

Kerjasama MoU di antara Universiti Teknologi MARA dan MIDF telah memasuki fasa ketiga, di mana hubungan tersebut bermula sejak tahun 2008 bagi mempromosikan Seni Lukis & Seni Reka dari UiTM di MIDF-UiTM ArtSpace Kuala Lumpur, serta di lokasi-lokasi acara yang dianjurkan secara bersama.

Menerusi kolaborasi ini, UiTM dan MIDF telah menjalankan pelbagai aktiviti antaranya pameran, bengkel kreativiti, pertunjukan fesyen, pertandingan rekabentuk, program jelajah, projek khas rekabentuk bahan korporat, serta pelbagai lagi yang melibatkan siswa-siswi dan staf UiTM, warga MIDF dan anak-anak MIDF, kumpulan korporat serta khalayak ramai.

Naib Canselor UiTM dalam ucapannya, menjelaskan hasil usahasama ini secara tidak langsung telah meningkatkan ketampakan atau visibility Galeri Seni Tuanku Nur Zahrah (GESTURZ), UiTM dengan adanya MIDF-UiTM ArtSpace Kuala Lumpur di lokasi strategik segitiga emas, Menara MIDF Kuala Lumpur. Menurutnya lagi, galeri-galeri di Fakulti AD kampus cawangan UiTM akan dikenali sebagai GESTURZ AD UiTM kampus cawangan dan akan mempunyai peluang penglibatan yang sama dalam MoU ini.

MoU di antara UiTM dan MIDF ditandatangani oleh Naib Canselor, Prof Emeritus Dato' Dr. Hassan Said dan Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Mohd Najib Hj. Abdullah. Hadir bersama adalah Prof. Dr. D'zul Haimi Md. Zain, Dekan Fakulti AD



dan En. Abdul Malek Abdul Hafiz, Pemangku Ketua Perkhidmatan Korporat MIDF. Upacara tersebut disaksikan oleh Pengerusi MIDF, Tan Sri Abdul Rahman Mamat yang kemudiannya merasmikan Pameran Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (AD).

Pameran tersebut menampilkan karya seni serta produk rekaan siswa-siswi AD UiTM seperti catan, seni cetakan, fotografi, produk rekabentuk automotif dan perabot, seramik, barang kemas, fesyen, grafik, produk cetakan, batik, fiber dan banyak lagi. Turut diadakan adalah Pasar Seni Mini yang menawarkan karya seni dan produk oleh pelajar bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan dikalangan siswa.

"MIDF amat teruja, kerana MoU MIDF dan UiTM kini memasuki fasa ketiga, untuk itu kami akan membawa pembaharuan pengisian aktiviti-aktiviti yang relevan dengan era semasa. 'MIDF-UiTM Art Awards dan CEO Pocket Talks' serta program CSR 'Absolute English' antara yang akan direalisasikan bagi memberi manfaat kepada warga MIDF, komuniti di kampus UiTM, penggiat industri kreatif, masyarakat bahkan negara" – ujar Pengarah Urusan Kumpulan MIDF di majlis memeterai MoU tersebut.

Info Ringkas : Fakulti AD, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka atau popular dengan jenama AD UiTM akan menyambut Jubli Emasnya pada tahun 2017. Sepanjang 50 tahun penubuhannya AD UiTM telah melahirkan graduan industri kreatif yang disegani antaranya pelukis antarabangsa Awang Damit Ahmad, pereka fesyen tersohor Dato' Radzwan Radziwill, dan Rizalman Ibrahim. Usahawan fesyen muda, Rizman Ruzaini, dan Suzlee Ibrahim pelukis abstrak yang dikagumi, serta ramai lagi yang mengukir kejayaan di tanahair hingga merentas ke peringkat antarabangsa.

Ikuti info terkini kami di facebook I AM AD UiTM.



Info Ringkas : Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

MIDF telah ditubuhkan lima puluh enam tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara. Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset dan Pembiayaan Mezanin. MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Dapatkan perkembangan mutakhir, layari facebook MIDF Group

Untuk pertanyaan : -

Nurul Muzamel Rasidi
Kurator Kanan
GESTURZ, UiTM
+6012-942 9902
nurulmuzamel@salam.uitm.edu.my

Anita Ramly
Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan
MIDF
+6019-332 4809
anita.ramly@midf.com.my



“ Kerjasama bermula
sejak tahun 2008”

“...pelbagai aktiviti antaranya
pameran, bengkel kreativiti,
pertunjukan fesyen,
pertandingan rekabentuk,
program jelajah, projek khas
rekabentuk bahan korporat...”

“fasa ketiga,
akan membawa
pembaharuan
pengisian aktiviti-
aktiviti yg relevan
dengan era semasa”



Kombinasi Karya Seni dan Produk Rekabentuk, Serlah Variasi Kreativiti Siswa Dalam Pameran Fakulti AD

Pameran Fakulti AD adalah himpunan seleksi koleksi tetap dari Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), dan koleksi jabatan-jabatan akademik, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (AD) UiTM Shah Alam. Jabatan – jabatan akademik yang terlibat adalah seni reka grafik & media digital, tekstil, seni reka logam kontemporari, seni reka perindustrian perindustrian, seramik perindustrian, fesyen, fotomedia kreatif, seni halus dan teknologi percetakan. Pameran ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat secara langsung mengenai bidang seni lukis & seni reka serta peranan pentingnya dalam kehidupan, pendidikan dan industri serta perkembangan bidang tersebut. Selain daripada memelihara kelestarian karya seni dan produk rekabentuk, koleksi ini juga dijadikan bahan rujukan akademik, penyelidikan serta bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dari Garisan kepada Rupa

Karya-karya seni yang dipilih dalam pameran ini adalah seleksi dari koleksi tetap Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ) di mana terdapat seni catan, seni cetak dan lukisan yang mempamerkan olahan pelbagai jenis media, gaya dan pendekatan. Perkongsian dalam pameran ini memperlihatkan peristiwa atau isu – isu semasa yang menjadi asas kepada pembentukan karya yang selanjutnya direalisasikan dengan menggunakan pelbagai bahantara.

Malahan setiap karya yang terhasil mempunyai kekuatan visual dan idea yang tersendiri dengan mengikut pendekatan yang bersesuaian di mana karya seni catan di pameran ini mempersembahkan kesinambungan sentuhan seni catan moden dan juga pasca-modern di Malaysia dengan melestarikan seni tradisi yang disuaipadankan dengan perkembangan teknologi. Kebijaksanaan pengkarya dalam






menerapkan unsur estetika yang diketengahkan menerusi karya-karya tersebut secara langsung mencerminkan kepekaan dan keprihatinan mereka terhadap seni tradisional dan seni kontemporari yang berkisar mengenai kemasyarakatan dan kebudayaan di Malaysia. Dari garisan kepada rupa ia menjadi wadah pengucapan visual pelukis terhadap mesej yang terkandung dalam karya – karya yang dihasilkan.

Asal Tanah menjadi Seramik

Seramik sebenarnya adalah begitu dekat dengan kehidupan sejagat. Ini kerana produk-produknya digunakan pada setiap hari sebagai barang utilitarian dan di dalam upacara tradisi malah turut dijadikan dekorasi dan perhiasan kediaman atau pejabat serta melengkapi lanskap indah sebagai arca. Jauh lebih itu produk seramik juga digunakan bagi industri kesihatan, pembuatan dan aksesori fesyen yang istimewa. Penghasilan seramik menuntut ketelitian dan sentuhan artistik pereka atau pengkarya, ia melibatkan proses saintifik, teknikal dan seni di mana penghasilannya berkait rapat dalam konteks sejarah seperti budaya pemakanan, hiasan dan seni bina. Di dalam pameran ini, terdapat karya seramik arca dan perindustrian yang diilhamkan dari alam, wayang kulit, karekter kartun serta motif tradisional yang didatangkan dari koleksi jabatan seramik perindustrian serta koleksi tetap dari GESTURZ. Begitulah, uniknya seramik berasal dari tanah liat yang kemudian dijadikan produk kreatif yang luar biasa, ia juga secara tidak langsung menjadi identiti budaya atau tradisi dalam sesebuah masyarakat,



Pameran



Sehalus Jahitan Memukau Pandangan

Koleksi dari jabatan fesyen yang dipersembahkan dalam pameran ini, menampilkan kreativiti dan inovasi dari siswa bidang fesyen dalam menghasilkan rekaan masing – masing. Pelbagai tema yang diketengahkan oleh pereka – pereka muda ini diinspirasi dari pelbagai sumber antaranya, topong Masai Afrika, serta imbauan era kolonial dari perspektif fesyen.

Penghasilan rekaan – rekaan fesyen memerlukan ketelitian, kemahiran yang tinggi, kesabaran, daya kreativiti serta inovasi si pereka. Jika diteliti terdapat variasi teknik seperti hand quilting, manipulasi pola, sulam tampal, kemasan tatahias rekaan di mana, dari aspek pemilihan fabrik pula terdapat pereka yang menghasilkan fabrik sendiri dengan menggunakan teknik cetakan digital yang semakin popular masakini.

Proses sesuatu koleksi itu dihasilkan bermula dengan pencarian ilham, penemuan idea dan konsep yang kemudiannya disusuli dengan lakaran – lakaran. Dari situ, ia akan dijadikan lukisan struktur pola yang membolehkan pereka seterusnya membuat sampel (toile) dengan bereksperimentasi teknik atau inovasi yang ingin ditemukan ke atas media fabrik belacu. Sekiranya terdapat teknik sulaman, tampalan atau tatahias yang ingin diketengahkan, pereka seterusnya akan membuat persampelan dan dituruti dengan persampelan fabrik. Akhirnya, barulah proses sebenar penghasilan dapat dilakukan dengan menggunakan media yang dipilih. Diperingkat ini pereka akan melalui cabaran dan ujian dalam proses try and error bagi merealisasikan rekaan mereka. Kejayaan pereka menghasilkan koleksi fesyen yang segar, energetik dan kaya dengan inspirasi menjadikan fesyen






adalah antara bidang yang senantiasa menyemarakkan industri kreatif di negara dan antarabangsa. Maka, tidak hairanlah sehalus jahitan, ia dapat memukau pandangan dunia yang menghayati kesenian dan keindahan rekaan fesyen inovatif dan unik.

Selemba Benang, Secalit Warna

Keunikan produk tekstil dapat dilihat dari segi pembentukan rekaan serta kekemasan dan keaslian yang boleh dikenalpasti melalui teknik pembuatannya. Seni tekstil dipercayai telah berkembang dengan pesat melalui perdagangan, penghijrahan dan perkahwinan politik sejak abad kelima belas. Kesan dari itu, pelbagai seni tekstil telah di bawa masuk dan diperkenalkan cara penggunaannya dan pembuatannya seperti kain songket, kain sutera, kain batik dan lain-lain. Ini juga adalah kerana tekstil dan pakaian adalah barangan penggunaan asas yang diperlukan oleh manusia di setiap pelusuk dunia yang dijadikan pakaian, barangan hiasan, produk fesyen, produk hiasan dalaman, produk perlindungan, kecantikan dan sebagainya.

Di dalam pameran ini, dipamerkan koleksi tetap dari Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ) yang menggabungkan motif rekaan dari pelbagai idea dan variasi penggunaan bahan. Terdapat hasil karya batik menggunakan canting, warna dan tatahias media campuran, sementara hasil karya tenunan menggunakan pelbagai





benang, serta media campuran mengikut kreativiti pereka. Rekaan tekstil tersebut sudah pastinya mempunyai fungsi-fungsi tertentu disamping memperlihatkan nilai estetika tanpa mengeneipkan keperluan dan permintaan pasaran semasa.

Umpama selembar benang ia menjadi kain, begitulah juga dengan cantingan batik yang kemudiannya dicalit dan disapu dengan rona yang bertenaga, hatta begitulah diibaratkan ketekunan dan usaha si pereka tekstil dalam memastikan kehalusan dan keindahan rekaannya.

Walaupun industri tekstil memerlukan modal yang sederhana, namun kemajuannya telah berkembang secara positif dengan kemunculan kilang tenunan, batik, percetakan, skrin sutera, dan sulaman. Oleh demikian, kewujudannya semestinya akan merencanakan lagi industri kreatif dan ekonomi global. Walaubagaimanapun kajian berterusan dan penemuan yang inovatif perlu dibuat agar rekabentuk dan pembuatannya sentiasa maju ke hadapan seiring dengan teknologi dan peredaran zaman.

Bukan Sekadar Poster

Grafik lazimnya dikaitkan dengan keadaan semasa, popular, serta bersifat komersil. Penampilan grafik yang begitu meluas di pelbagai media cetak, media elektronik dan media sosial membuatkan trend rekaannya bergerak pantas mengikut perkembangan sosial dan budaya setempat. Kepentingan grafik tidak dapat dinafikan apabila ia diperlukan dalam aktiviti komersil di mana perniagaan, industri, dan organisasi korporat memerlukan pesona grafik bagi meningkatkan ketampakan



We are a CL



(visibility) jenama atau imej syarikat masing – masing yang profesional dan berdaya saing. Malah ia turut digunakan oleh individu-individu tertentu bagi menampilkan kelainan serta keunikan identiti mereka.

Hasilan produk dari rekaan grafik adalah bertujuan menyampaikan maklumat atau mesej dalam bentuk visual dan teks. Rekaan yang ditampilkan dalam pameran ini terdiri daripada ilustrasi digital, rekabentuk penjenamaan, tipografi, rekabentuk korporat, pengiklanan, dan rekabentuk serta pembangunan aplikasi interaktif. Pelbagai teknik manual dan digital yang dapat dilihat dalam setiap hasilan rekabentuk tersebut, contohnya rekaan poster yang menggunakan teknik pop-up, dan rekaan tipografi yang mengaplikasikan beberapa lapisan kad bod bagi menghasilkan kesan tiga dimensi. Semetara itu, terdapat juga rekaan bagi produk interaktif yang diketengahkan dalam pameran ini yang bukan sahaja menyerlahkan kualiti grafik yang dihasilkan malah keupayaan pereka grafik muda untuk meneroka dan menghasilkan kandungan interaktif yang kini kian popular di era millennial. Karya dan produk rekaan grafik yang ada dalam pameran ini adalah dipilih dari koleksi jabatan seni reka grafik.

Inovasi Rekabentuk Pembungkusan, Serlah Produk Percetakan

Himpunan koleksi produk rekabentuk pembungkusan dan produk percetakan yang





dihasilkan siswa program program Teknologi Percetakan dalam pameran ini terdiri daripada pelbagai segmen rekabentuk bagi keperluan industri.

Produk yang dipamerkan melihatkan aspek penyelidikan dan pembangunan rekabentuk pembungkusan produk – produk keluaran usahawan tempatan yang bertujuan menyerlahkan penampilan produk tempatan dengan transformasi dan suntikan rekabentuk yang lebih kontemporari, menepati citarasa pengguna pada masa kini, malah membentuk penjenamaan yang lebih berdaya saing.

Teknologi Percetakan adalah gabungan seni, teknologi, kejuruteraan mesin, dan sains di mana penghasilannya melibatkan proses – proses teknikal yang menuntut ketepatan dalam setiap penghasilannya. Aplikasi kreatif juga turut diterapkan selain menggunakan bahantara kertas ke atas cetakan antaranya aluminium, plastik, kaca, fabrik dan pelbagai lagi. Dengan peredaran zaman serta teknologi, produksi percetakan juga turut mengalami transformasi dan evolusi di mana selain percetakan off-set, kini percetakan digital dua dimensi dan tiga dimensi kian menjadi pilihan dengan keistimewaan yang tersendiri seperti pilihan produksi dan penerbitan secara print-on-demand (POD).

Dari Lensa Ke Kanvas

Fotografi merangkumi beberapa bidang pengkhususan penting iaitu pengiklanan, fesyen, seni halus, kewartawanan dan videografi. Kesemua pengolahan imej dan susunan komposisinya mempunyai makna yang tersendiri berdasarkan pemilihan




"We are a CL



tema karya. Fotografi yang melibatkan pengiklanan dan fesyen lebih menjurus kepada pengkomersilan produk ataupun promosi. Manakala fotografi seni halus lebih menfokuskan kepada penghasilan karya kreatif dengan menggunakan medium fotografi sebagai media utama dalam penghasilan karya seni yang berdialog mengenai isu-isu sosial, budaya dan ekonomi serta politik. Berbeza pula dengan hasil kerja dari fotografi kewartawanan, ianya lebih menjurus kepada tugas jurufoto profesional dalam merakam serta mendokumentasi pelbagai bentuk peristiwa diserata pelusuk dunia. Tugas ini dilihat sebagai mencabar kerana jurufoto akhbar perlu memastikan foto yang dirakam adalah berkualiti, kerana momen peristiwa yang dirakam tidak boleh diulang semula, contohnya momen kesukanan, momen acara bersejarah, momen pemimpin dan sebagainya. Untuk videografi pula hasil kerja yang dihasilkan kebiasaanya merangkumi pelbagai jenis tema dan ia juga bergantung kepada projek-projek video yang perlu dikendalikan oleh jurukamera itu sendiri. Kerja-kerja yang dikendalikan juga boleh saling berkait diantara satu pengkhususan dengan pengkhususan yang lain seperti penggambaran, suntingan video dan audio, penambahan elemen animasi dan interaktif, serta kerja – kerja rekabentuk kesan khas pada imej dan bunyi yang seterusnya menghasilkan impak yang luar biasa terhadap penghasilan dan produksi videografi tersebut. Antara contoh hasil dari karya videografi adalah seperti montaj, dokumentari, drama pendek, video korporat, video muzik, video profil, serta video yang mendokumentasikan memori istimewa atau peristiwa bersejarah.



Pameran



Rekabentuk Futuristik, Mendominasi Rekaan

Menggunakan pendekatan kreatif dalam menangani masalah atau cabaran yang kompleks, pereka industri tidak hanya menghasilkan rekabentuk produk yang bersifat komersial sahaja, bahkan peranan pereka industri adalah untuk mencipta atau mengeksplorasi kaedah baharu menerusi pendekatan penyelidikan rekabentuk, inovasi dan teknologi yang bertujuan membantu permasalahan dalam kehidupan harian dengan penemuan produk rekabentuk yang moden, berteknologi, mesra pengguna, ergonomik, inovatif dan selamat.

Umumnya bidang seni reka perindustrian terbahagi kepada tiga jenis bidang utama iaitu rekabentuk produk, rekabentuk pengangkutan dan reka bentuk perabot. Produk – produk dari koleksi jabatan seni reka perindustrian ini, mengetengahkan kreativiti dan inovasi segar dari pereka muda dalam penghasilan produk yang menjadi subjek kajian mereka. Antara yang menjadi tumpuan dalam pameran ini adalah seperti rekabentuk basikal, motorsikal, perabot dan produk keselamatan industri yang kelihatan futuristik, fungsional dan dalam waktu yang sama mengekalkan elemen - elemen tradisi.

Eksklusif dan Kontemporari,
Kilauan Rekaan Logam Gamit Perhatian.

Beribu-ribu tahun masyarakat di seluruh dunia telah menggunakan perhiasan





diri untuk menghiasi tubuh mereka dengan pelbagai rekaan barang kemas serta perhiasan yang diperbuat daripada berbagai-bagai jenis bahan berasaskan sumber alam. Selain dari tujuan kecantikan, barang kemas mempunyai fungsinya yang tersendiri antara lain menjadi simbol status sosial atau identiti budaya sesebuah masyarakat atau peradaban.

Karya – karya dari seni reka logam kontemporari yang dipamerkan dalam pameran ini meliputi karya dari barang kemas kontemporari yang mendapat sentuhan dan ilham dari motif – motif tradisi serta tumbuhan. Terdapat cincin, rantai, kerongsang, serta gelang yang dihasilkan oleh pereka barang kemas menggunakan bahan logam yang disadur dengan emas dengan penataan batu mineral, sementara produk perhiasan lampu bagi tujuan dekorasi hiasan dalaman turut ditampilkan bersama arca dwi fungsi yang diinspirasikan dari bunga teratai atau Nymphae sejenis tumbuhan air.

Pengajian di bidang seni reka logam kontemporari menggalakkan para siswa untuk meneroka konsep dan bahan – bahan baharu dalam penghasilan karya dan produk berasaskan logam, batu mineral atau media campuran lain. Rekaan bukan sahaja dilakukan secara manual malah turut mengaplikasikan beberapa peralatan teknologi canggih disamping penggunaan perisian rekabentuk tiga dimensi yang membantu visualisasi rekaan yang lebih efisien.





SERAMIK PERINDUSTRIAN
Stoneware (Ceramic)



SERAMIK PERINDUSTRIAN
Stoneware (Ceramic)



SERAMIK PERINDUSTRIAN
Stoneware (Ceramic)



SERAMIK PERINDUSTRIAN | Hand-built stoneware

Pameran





SERAMIK PERINDUSTRIAN | *Hand-built stoneware*



SERAMIK PERINDUSTRIAN | *Hand-built stoneware*

SERAMIK PERINDUSTRIAN |
Hand-built stoneware



SERAMIK PERINDUSTRIAN |
Hand-built stoneware



Pameran



SERAMIK PERINDUSTRIAN
| *Hand-built stoneware,
Mix Media*




SERAMIK PERINDUSTRIAN |
Hand-built stoneware





SERAMIK PERINDUSTRIAN
| *Wheel-thrown stoneware*



SERAMIK PERINDUSTRIAN
| *Slip-cast porcelain*



SERAMIK PERINDUSTRIAN
| *Hand-built stoneware*



SERAMIK PERINDUSTRIAN
| *Wheel-thrown stoneware*



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik

SENI REKA FESYEN | Fabrik





SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik




SENI REKA FESYEN | Fabrik

Pameran





SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | Fabrik



SENI REKA FESYEN | *Hand Stiches Embroidery*



SENI REKA FESYEN | *Hand Stiches Embroidery*

SENI REKA FESYEN | Hand Stiches Embroidery




SENI REKA FESYEN | Hand Stiches Embroidery





SENI REKA FESYEN | *Hand Stiches Embroidery*



SENI REKA FESYEN | *Tambour Beading*

Pameran






SENI REKA FESYEN | *Tambour Beading*



SENI REKA FESYEN | *Tambour Beading*



SENI REKA FESYEN | *Tambour Beading*




SENI REKA FESYEN | *Machine Embroidery*

SENI REKA FESYEN | *Machine Embroidery*



Pameran


Faculty of
**Art &
Design**



SENI HALUS | Wood Cut

SENI HALUS | Mono Print





SENI HALUS | *Print*




SENI HALUS | *Media Campuran*

Pameran



SENI HALUS | Sutera Saring



SENI HALUS | Sutera Saring






SENI HALUS | *Print Media*



SENI HALUS | *Intaglio Etching*


Pameran





SENI HALUS | *Etching Drypoint*

SENI HALUS | *Etching Drypoint*





SENI HALUS | Sutera Saring


SENI HALUS | *Print Media*





SENI HALUS | *Mix Media Etching Drypoint*

SENI HALUS | *Tambour Beading*






SENI HALUS | *Mono Print*



SENI HALUS | *Mix Media*

Pameran





SENI HALUS | Mix Media

SENI HALUS | Silk Screen





SENI HALUS | *Etching On Paper*



SENI HALUS | *Mix Media Print*


Pameran



SENI HALUS | Woodcut On Paper



SENI HALUS | Monoprint




SENI HALUS | Tambour Beading



SENI HALUS | Woodcut



SENI HALUS | Mix Media




SENI HALUS | Etching





TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Craft Paper

SENI HALUS | Silk Screen



Pameran






TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset Lithography
Printing on Craft Paper



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Craft Paper





TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard

Pameran





TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | Offset
Lithography Printing on Artcard



TEKNOLOGI PERCETAKAN | *Print On Paper*



TEKNOLOGI PERCETAKAN | *Offset Lithography Printing on Craft Paper*



A CUP OF COFFEE MAY CHANGE YOUR DAY



FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print



AHMAD & CO.

FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print





FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*



Humana






FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*





FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*



FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print



FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print



Food brings people together
Healthy food keep people
alive and together.



FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*



FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*




FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*





FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print



FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography Print

Revisi

Faculty of
**Art &
Design**



FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*



FOTOMEDIA KREATIF | *Digital Photography Print*

**LET'S SUPPORT
OUR NATIONAL
RIDER**

NORSHAHRIEL HAIZAT

NATIONAL MOUNTAIN BIKE **RIDER**



FOTOMEDIA KREATIF | Videography




FOTOMEDIA KREATIF | Digital Photography, Print


Camera

Faculty of
**Art &
Design**

FOTOMEDIA KREATIF | *Videography*



FOTOMEDIA KREATIF | *Videography*



Jalan mencari yang tulus




FOTOMEDIA KREATIF | Videography



SENI REKA GRAFIK | Paper Cutting And Digital

Memories






SENI REKA GRAFIK | *Digital Prints*



SENI REKA GRAFIK | *Digital Prints*



SENI REKA GRAFIK | Digital Prints



SENI REKA GRAFIK | Digital Prints



SENI REKA GRAFIK | *Paper Cutting And Digital*



SENI REKA GRAFIK | *Paper Cutting And Digital*



Nadim

Official Mascot for Melaka United Soccer Association. Nadim inspired by mousedeer with athletic body curve and wearing the iconic green & white stripes Melaka jersey. Name origin from the name of two Malay legends, Hang Nadim and Laksamana Hang Nadim. Hang Nadim name is choose because its significant to intelligent and brave from this two person. This criteria is need to be a good football player during 90 minute action on the field.



Current



New



Logotype

MELAKA

The Melaka United Soccer Association Badge



Established in 1924

Mousedeer

Football Symbol

Tree Symbol

Colour

PANTONE	CMYK	RGB
	C - 97	R - 0
	M - 22	G - 131
Pantone 348	Y - 100	B - 61
	K - 9	

	C - 0	R - 0
	M - 0	G - 0
White	Y - 0	B - 0
	K - 0	

Font

Univers

ABCDEFGHIJKLMNOPQRSTUVWXYZ
abcdefghijklmnopqrstuvwxyz
0123456789? !@ \$%&0[]*^#<>+=;.,

Univers





Introducing the RAPID Branding program. The company identification and branding program is a valuable and powerful business tool. It unifies the organization visually and assists in building brand recognition and equity, as well as providing a framework for consistent and uniform presentation to our consumers and stakeholders.

Connecting Us All™
CONNECTING US ALL rapid

What you are reading is rubbish

BE AWARE
Don't know your address already?
Sunday, 28th September 2012

Hai Hold
Hai Hold
Ola Hold
みもも

FS Albert is bold, precise and modern. It is individual and recognizable and brings a new visual distinctiveness to **our** brand.

SENI REKA GRAFIK | Digital Printing

SENI REKA GRAFIK | Digital

web





SENI REKA GRAFIK | *Digital Printing*

SENI REKA GRAFIK | *Digital Printing*



Pameran






SENI REKA GRAFIK | *Paper Cutting And Digital*



SENI REKA GRAFIK | *Paper Cutting And Digital*






SENI REKA PERINDUSTRIAN | Mix Media

SENI REKA PERINDUSTRIAN | Rubber Wood (Model Making)



Ameran





SENI REKA PERINDUSTRIAN | *Mix Media*

SENI REKA PERINDUSTRIAN | *Mix Media*






SENI REKA PERINDUSTRIAN | Mix Media

SENI REKA PERINDUSTRIAN |
Rubber Wood (Model Making)



LOGAM KONTEMPORARI | Metal



SENI REKA PERINDUSTRIAN | Mix Media



SENI REKA PERINDUSTRIAN | *Mix Media*



LOGAM KONTEMPORARI | Metal

Pameran



LOGAM KONTEMPORARI | Brass Gold Plated



LOGAM KONTEMPORARI | *Brass Gold Plated*




LOGAM KONTEMPORARI | *Brass Gold Plated*



LOGAM KONTEMPORARI | *Brass Gold Plated*

Pameran



LOGAM KONTEMPORARI | Brass Gold Plated



LOGAM KONTEMPORARI | *Brass Gold Plated*



LOGAM KONTEMPORARI | Brass Gold Plated



LOGAM KONTEMPORARI | Brass Gold Plated

Art & Design





LOGAM KONTEMPORARI |
Brass Gold Plated



LOGAM KONTEMPORARI | *Brass Gold Plated*

SENI REKA TEKSTIL | Batik



SENI REKA TEKSTIL | Batik



Pameran

Faculty of
**Art &
Design**

SENI REKA TEKSTIL | Batik

SENI REKA TEKSTIL | Batik



SENI REKA TEKSTIL | Batik



SENI REKA TEKSTIL | Batik



Pameran





SENI REKA TEKSTIL | Weaving

SENI REKA TEKSTIL | Weaving





SENI REKA TEKSTIL | Weaving



SENI REKA TEKSTIL | Weaving

1. Kembangkan



Pameran



UrusetiaAD

Penaung

PROF. EMERITUS DATO' DR. HASSAN SAID

Penasihat

PROF DR. HJ. D'ZUL HAIMI MD. ZAIN (A.I.S)

Pengerusi

PROF. MADYA DR. NORFADILLAH KAMARUDDIN

Ketua Urusetia

NURUL MUZAMEL BIN RASIDI

Pengurus Pameran

NORIZA ARZAIN
MOHAMAD RIZAL SALLEH

Pengurus Acara

AEDIE AZRUL AB AZIZ

Penyelaras Pameran dan Maklumat Penerbitan


ROSE DAHLINA RUSLI
INTAN NATASHA ABDUL AZIZ
NIK NORAZIDAH NIK AZIZ
SITI HERNIDA MOHD SOM
HARYATI MOHD EHSAN
LINDA ABD HAMID
AEDIE AZRUL AB AZIZ
HAZRUL MOHAMMAD RAHIM

Konsep, Rekabentuk Grafik, Produksi Penerbitan dan Video

SITI SOLEHA SALAMUN
AEDIE AZRUL AB AZIZ
HAZRUL MOHAMMAD RAHIM

Fotografi, Suntingan Visual, dan Videografi

MOHD NAZRIN MOHD NAZIR
MUHAMMAD AFIQ MOHAMD ALI
TENGKU FARAH HAZWANI TENGKU ASMAWI
SITI AQILAH MUNIRAH ISMAHISYAM



Editorial dan Penerbitan

DR RAFAEH LEGINO
NURUL MUZAMEL RASIDI
SITI SOLEHA SALAMUN
EZZA AZIRA ABD RAZAK
SYAZA MARINA RAMLI


Teknikal Kuratorial, Acara dan ICT, serta Logistik

MOHD ZAMRI ROSLI
ZAIRI RAMLI
HAZRUL MOHAMMAD RAHIM
HAFIZUL ISHAK
IDHAM ISMAIL
NAZRATUL AIN ZAINAL
NOOR HIDAWATI MOHAMED AMIN

Keurusetiaan Acara dan Komunikasi Kuratorial

SALMAH HAJI IBRAHIM
EZZA AZIRA ABD RAZAK
SYAZA MARINA RAMLI

Pameran



UrusetiaMIDF

Penaung

TAN SRI ADBUL RAHMAN BIN MAMAT

Penasihat

DATUK MOHD. NAJIB BIN HAJI ABDULLAH

Pengerusi

ABDUL MALEK ABDUL HAFIZ

Ketua Pengurusan Acara

ANITA RAMLY

Penyelaras Pengurusan Acara

MOHAMMAD SAUFI BIN MOHD. HUSAIN

HAZLINDA HAMIDUN

ERWEEN ELLIANNA ROSLI

NORLAILA HASHIM

Penghargaan

Terima kasih dan sekalung penghargaan diucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pameran dan buku pameran Fakulti AD yang diadakan bersempena dengan Majlis MoU di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).

Semoga kerjasama dan sokongan ini dapat memberi manfaat terhadap pembangunan dalam bidang pendidikan industri kreatif khususnya serta perkembangan dan kelestarian industri tersebut.

design & print by

gesturz

wholly managed by
Faculty of Art & Design



gesturz



<http://artgallery.uitm.edu.my>

ISBN 978-967-14224-1-0



9 789671 422410